



---

**UNIVERSITI KUALA LUMPUR  
Malaysia France Institute**

---

**FINAL EXAMINATION  
SEPTEMBER 2014 SESSION**

---

**SUBJECT CODE : MPU3113**  
**SUBJECT TITLE : HUBUNGAN ETNIK**  
**LEVEL : BACHELOR**  
**TIME / DURATION : 2.00 PM – 4.00 PM  
(2 HOURS)**  
**DATE : 10 JANUARY 2015**

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

---

- 1. Please read the instructions given in the question paper CAREFULLY.**
  - 2. This question paper is printed on both sides of the paper.**
  - 3. Please write your answers on the answer booklet provided.**
  - 4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.**
  - 5. This question paper consists of ONE (1) section. Section A. Answer all questions in Section A.**
- 

**THERE ARE 17 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.**

---

**BAHAGIAN A (Jumlah: 60 markah)****ARAHAN: Jawab SEMUA soalan. HITAMKAN jawapan yang betul.****Sila guna kertas jawapan yang disediakan.**

1. Perlembagaan merupakan sebuah dokumen yang mengandungi
  - A. undang-undang awam sesebuah negara.
  - B. prinsip kedaulatan undang-undang dan parlimen.
  - C. semua undang-undang yang berada di bawah bidang kuasa mahkamah sivil.
  - D. semua undang-undang tertinggi yang mustahak bagi penubuhan sesebuah negara dan sistem politiknya.
  
2. Pilih fungsi-fungsi perlembagaan sesebuah negara.
  - I. Teras panduan pemerintahan negara.
  - II. Membentuk sistem pemerintahan sesebuah negara.
  - III. Asas kepada semua undang-undang lain dalam negara.
  - IV. Menentukan jenis-jenis kesalahan di bawah undang-undang sivil dan syariah.

A. I dan II.	C. I, II dan III.
B. III dan IV.	D. II, III dan IV.
  
3. Berikut adalah unsur-unsur yang menjadi keunikan Perlembagaan Persekutuan berbanding dengan perlembagaan negara-negara lain di dunia.
  - A. Undang-undang kewarganegaraan.
  - B. Bahasa Melayu, kedudukan istimewa Melayu dan pemerintahan beraja.
  - C. Doktrin pengasingan kuasa di antara badan eksekutif, legislatif dan kehakiman.
  - D. Kebebasan asasi yang merangkumi hak mengeluarkan fikiran, berhimpun dan menubuhkan persatuan.
  
4. Pindaan terhadap peruntukan perlembagaan yang melibatkan kepentingan Sabah dan Sarawak hanya boleh dilakukan sekiranya mendapat sokongan 2/3 setiap Dewan Parlimen dan
  - A. perkenan Majlis Raja-Raja.
  - B. perkenan Yang di-Pertuan Agong.
  - C. persetujuan Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Sarawak.
  - D. sokongan 2/3 Dewan Undangan Negeri Sabah dan Sarawak.

5. Pilih konsep ketinggian perlembagaan yang diguna pakai oleh Perlembagaan Persekutuan.
- I. Tertakluk kepada konsep ketertinggian Parlimen.
  - II. Tidak terdapat institusi yang mengatasi ketertinggian perlembagaan.
  - III. Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara turut tertakluk kepada perlembagaan.
  - IV. Undang-undang negeri boleh diisytiharkan sebagai tidak sah oleh Parlimen jika undang-undang itu bercanggah dengan perlembagaan.
- A. I dan III.                                C. II dan III.  
B. I dan IV.                                 D. III dan IV.
6. Negeri Melayu yang terawal yang memiliki perlembagaan bertulis pada tahun 1911 selepas Johor ialah
- A. Perlis.                                      C. Kelantan.  
B. Kedah.                                     D. Terengganu.
7. Pilih ciri-ciri Perlembagaan Malayan Union.
- I. Tidak melibatkan Singapura.
  - II. Malayan Union akan diperintah oleh Residen-Jeneral.
  - III. Hak sama rata kepada semua warganegara tanpa mengira bangsa.
  - IV. Hak kerakyatan kepada golongan bukan Melayu yang dilahirkan sebelum Malayan Union menerusi prinsip jus soli.
- A. I dan III.                                C. I, II dan III.  
B. II dan IV.                               D. II, III dan IV.
8. Perkara berikut merupakan salah satu perkara yang dilaksanakan dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang menggantikan Malayan Union.
- A. Mengekalkan autonomi negeri-negeri.
  - B. Wilayahnya meliputi semua Negeri-Negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat.
  - C. Kerajaan negeri berkuasa dalam semua perkara penting secara menyeluruh.
  - D. Prinsip jus soli dikekalkan namun kedudukan istimewa Melayu dikembalikan.

9. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai Suruhanjaya Reid.
- I. Dianggotai oleh wakil dari Britain, Australia, Kanada, India dan Pakistan.
  - II. Keahlian suruhanjaya dipilih oleh British sendiri tanpa melibatkan rakyat Tanah Melayu.
  - III. Meminta pandangan bukan sahaja parti politik, tetapi juga orang ramai dan Raja-Raja Melayu
  - IV. Mengkaji semula cadangan perlembagaan oleh Parti Perikatan dan mengeluarkan Kertas Putih.
- A. I dan IV.
  - B. II dan III.
  - C. I, II dan III.
  - D. II, III dan IV.
10. Berikut adalah konsep Raja Berperlembagaan yang membolehkan institusi beraja diteruskan sesuai dengan sistem demokrasi berparlimen.
- A. Raja bertindak atas nasihat Majlis Raja-Raja.
  - B. Raja hendaklah bertindak atas nasihat Dewan Undangan Negeri.
  - C. Yang di-Pertuan Agong menjalankan tugasnya menurut nasihat Kabinet.
  - D. Yang di-Pertuan Agong menjalankan tugasnya menurut nasihat Parlimen.
11. Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa untuk mengampunkan dan menanggukhkan hukuman berkeajaan segala kesalahan yang telah disabitkan oleh mahkamah-mahkamah
- A. sivil di seluruh persekutuan.
  - B. syariah di seluruh persekutuan.
  - C. sivil dan syariah di negeri-negeri yang tidak beraja.
  - D. sivil yang menjalankan bidangkuasa dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan.
12. Berikut adalah amanah dan tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong yang sukar kerana sering kali menjadi polemik dalam masyarakat yang berbilang etnik, yang jika tidak ditangani dengan baik dapat menggugat kestabilan negara.
- A. Ketua agama Islam.
  - B. Melantik Perdana Menteri dan anggota Kabinet.
  - C. Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Persekutuan.
  - D. Memelihara kedudukan istimewa bumiputera serta kepentingan sah agama lain.

13. Pilih keistimewaan-keistimewaan Islam yang menonjol dalam Perlembagaan Persekutuan.
- I. Sah bagi kerajaan memperuntukkan sejumlah wang bagi pembangunan Islam di Malaysia.
  - II. Kedudukan agama Islam dalam perlembagaan tidak boleh dipinda kecuali dalam keadaan darurat.
  - III. Raja terikat dengan nasihat Majlis Mesyuarat Negeri dalam menjalankan tugas sebagai ketua agama Islam.
  - IV. Undang-undang negeri boleh menyekat apa-apa penyebaran dalam kalangan orang Islam mengenai agam lain selain Islam.
- A. I dan II.
  - B. I dan IV.
  - C. II dan III.
  - D. III dan IV.
14. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai konsep kebebasan beragama yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan **kecuali**
- A. setiap kumpulan agama berhak menubuhkan yayasan bagi tujuan agama.
  - B. kebebasan beragama diberikan kepada penganut agama Islam dan bukan Islam.
  - C. kebebasan dalam penyebaran agama adalah mutlak kepada para penganut semua agama.
  - D. seseorang dilindungi daripada dipaksa membayar cukai yang digunakan bagi maksud agama yang lain daripada agama anutannya.
15. Pilih tujuan-tujuan diskriminasi perlindungan yang dibuat dalam Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan.
- I. Membetulkan semula ketidakseimbangan politik.
  - II. Memperbaiki taraf kehidupan masyarakat bumiputera dari segi ekonomi.
  - III. Mengurangkan penglibatan etnik bukan Melayu dalam perkhidmatan awam.
  - IV. Memastikan dominasi ekonomi negara kekal berada pada golongan bumiputera.
- A. I dan II.
  - B. II dan III.
  - C. II dan IV.
  - D. I, II dan III.

16. Semua perkara berikut adalah benar mengenai sistem politik tradisional di Tanah Melayu **kecuali**
- A. kedaulatan raja Melayu sentiasa dijunjung.
  - B. penderhakaan terhadap raja dianggap satu kesalahan besar.
  - C. bersifat terbuka dan membenarkan persaingan secara bebas.
  - D. rakyat menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada raja.
17. Pilih kesan-kesan campur tangan British di Tanah Melayu apabila termeterainya Perjanjian Pangkor pada 1874.
- I. Sultan dipaksa menerima residen untuk memberi nasihat pentadbiran.
  - II. Kedudukan sultan semakin terhakis dalam soal pentadbiran terutamanya melibatkan pungutan cukai.
  - III. Sultan tidak lagi bertanggungjawab terhadap soal kedudukan Islam dan hal ehwal berkaitan adat resam orang Melayu.
  - IV. Sistem residen telah diperluas ke Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu yang mempunyai kepentingan ekonomi kepada British.
- A. I dan II.
  - B. III dan IV.
  - C. I, II dan III.
  - D. II, III dan IV.
18. Berikut adalah peristiwa penting dalam konteks permuafakatan politik negara pada awal tahun 1950-an.
- A. Kerjasama politik di antara gabungan PUTERA dan AMCJA.
  - B. Gabungan UMNO dan MCA untuk mewujudkan Parti Perikatan.
  - C. Penubuhan parti berbilang etnik, National Convention Party oleh Abdul Aziz Ishak.
  - D. Kemenangan besar parti multi etnik, IMP dalam pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur.
19. Pilih ciri-ciri perkembangan politik negara pada sebelum dan awal kemerdekaan.
- I. Parti-parti politik tidak bergerak di atas landasan perkauman.
  - II. Wujud pelbagai parti politik yang pada dasarnya mewakili pelbagai etnik.
  - III. Faktor etnik merupakan elemen utama yang mempengaruhi perkembangan politik.
  - IV. Parti-parti politik bermuafakat untuk bergabung bagi membentuk kerajaan dan mengekalkan kuasa.
- A. I dan IV.
  - B. II dan III.
  - C. III dan IV.
  - D. II, III dan IV.

20. Berikut adalah asas sistem politik Malaysia bagi mewujudkan kestabilan.
- A. Penubuhan parti politik bukan atas faktor etnik.
  - B. Permuafakatan, kerjasama dan tolak ansur antara etnik.
  - C. Kesediaan kaum minoriti tunduk kepada ketuanan politik kaum majoriti.
  - D. Memastikan keputusan berpihak kepada kaum majoriti dalam sebarang konflik politik.
21. Pilih corak pengundian yang berlaku dalam pilihan raya umum pada tahun 1969.
- I. Kesedaran politik berasaskan ciri kaum yang primordial meningkat.
  - II. Pembangkang kalah kepada Parti Perikatan di kawasan majoriti Melayu.
  - III. Kaum tertentu tidak hanya mengundi parti yang hanya mewakili kaumnya sahaja.
  - IV. Sokongan pengundi Melayu adalah terhadap calon parti politik pelbagai etnik berbanding parti berciri etnik.
- A. I dan II.
  - B. II dan III.
  - C. III dan IV.
  - D. II, III dan IV.
22. Parti politik berikut ditubuhkan pada tahun 1962 yang diterajui oleh G. S. Sudang bersaing dengan UNKO bagi mendapatkan sokongan bumiputera bukan Islam.
- A. USNO.
  - B. UPKO.
  - C. SNAP.
  - D. BUNAP.
23. Berikut adalah kesan pilihan raya negeri Sabah pada tahun 1994.
- A. PBRS menang 2/3 daripada kerusi DUN yang dipertandingkan.
  - B. Kejatuhan PBS telah melahirkan parti-parti politik baru seperti Parti Berjaya.
  - C. PBS yang menang tipis terpaksa membubarkan kerajaan setelah 12 orang ADUN PBS keluar parti.
  - D. Etnik Bajau, Suluk, Melayu Brunei dan bumiputera lain yang beragama Islam berjaya disatukan di bawah USNO.

24. Formula permuafakatan berikut dicapai oleh pakatan parti-parti politik di Sarawak pada tahun 1970 dan diteruskan sehingga kini oleh Barisan Nasional di Sarawak.
- A. Presiden PBB dilantik sebagai ketua menteri, Presiden SUPP dan Timbalan Presiden PBB, seorang Iban sebagai timbalan ketua menteri.
  - B. Presiden PBB dilantik sebagai ketua menteri, Presiden SUPP dan Timbalan Presiden PBB, seorang Melayu sebagai timbalan ketua menteri.
  - C. Presiden SUPP dilantik sebagai ketua menteri, Presiden PBB dan Timbalan Presiden PBB, seorang Iban sebagai timbalan ketua menteri.
  - D. Presiden SUPP dilantik sebagai ketua menteri, Presiden PBB dan Timbalan Presiden PBB, seorang Melayu sebagai timbalan ketua menteri.
25. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai Pilihan Raya Umum ke-12 pada 8 Mac 2008.
- I. Kawasan pengundi bercampur kekal menjadi kubu kuat BN.
  - II. BN gagal mengekalkan majoriti dua pertiga di Dewan Rakyat.
  - III. Kawasan majoriti etnik Melayu khususnya Johor tetap merupakan kubu kuat BN.
  - IV. Kemenangan besar di Sabah dan Sarawak membolehkan BN mengekalkan kuasanya di peringkat persekutuan.
- |               |                    |
|---------------|--------------------|
| A. I dan III. | C. I, II dan III.  |
| B. II dan IV. | D. II, III dan IV. |
26. Salah satu sistem kepercayaan suku kaum primitif yang terpisah dan terasing di kawasan dunia yang berlainan ialah
- |              |                     |
|--------------|---------------------|
| A. Judaisme. | C. Jainisme.        |
| B. Animisme. | D. Zoroastrianisme. |
27. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai kepercayaan kepada agama menurut kebanyakan pengkaji sejarah agama **kecuali**
- A. keperluan asasi manusia.
  - B. sifat sejagat bagi seluruh manusia.
  - C. dimiliki oleh semua masyarakat di dunia.
  - D. tidak wujud dalam kehidupan manusia primitif.



28. Mengapakah agama diamalkan oleh manusia atas faktor keselamatan?
- A. Orang yang beragama pasti terselamat daripada gangguan manusia lain.
  - B. Agama menyelamatkan manusia dengan membantu akal mereka memahami persoalan alam ghaib.
  - C. Kepercayaan dan amalan agama dapat menyatukan manusia dalam satu komuniti yang selamat.
  - D. Seseorang berasa selamat kerana percaya bahawa kuasa agung yang dipercayainya akan menjaga keselamatannya.
29. Bagaimanakah agama berperanan sebagai pendorong dan pengesahan program pembangunan?
- A. Setiap program pembangunan dalam semua masyarakat memerlukan justifikasi agama.
  - B. Program pembangunan hanya boleh dilaksanakan dalam masyarakat jika ia bertepatan dengan ajaran agama.
  - C. Agamawan sering digunakan untuk memberi pengesahan program pembangunan yang tidak mendapat sambutan masyarakat.
  - D. Semua masyarakat tidak memisahkan agama daripada urusan sekular seperti pembangunan politik, undang-undang dan ekonomi negara.
30. Agama samawi merujuk kepada agama yang
- A. bersumberkan wahyu tuhan.
  - B. datang daripada diri manusia.
  - C. dibentuk oleh falsafah masyarakat.
  - D. dirumuskan oleh ahli fikir masyarakat.
31. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai agama Buddha.
- I. Menumpukan perbincangan tentang ketuhanan dan metafizik.
  - II. Suatu reaksi kepada kekerasan dan penindasan golongan Kesyatriya.
  - III. Menghormati kehidupan sama ada manusia, tumbuhan ataupun haiwan.
  - IV. Antara prinsip yang terpenting yang diseru Buddha adalah penghapusan kasta.
- A. I dan II
  - B. III dan IV.
  - C. I, II dan III.
  - D. II, III dan IV.



35. Pilih perkara-perkara yang mampu mengikat individu dan kumpulan yang saling berbeza agama untuk berhubungan sesama mereka.
- I. Perkongsian bersama nilai kemanusiaan sejagat yang diakui oleh semua agama.
  - II. Ahli-ahli persatuan agama memberikan bantuan kepada mangsa malapetaka tanpa mengira agama.
  - III. Berkongsi dan meraikan perayaan agama dan kebudayaan yang dibenarkan oleh agama masing-masing.
  - IV. Memberi hak yang sama rata kepada semua agama untuk menyebarkan ajaran masing-masing kepada seluruh rakyat Malaysia.
- A. I dan III.                                      C. I, II dan III.  
B. II dan IV.                                      D. II, III dan IV.
36. Pilih segregasi yang dilaksanakan oleh British sebagai kuasa penjajah di Tanah Melayu.
- I. Pengasingan tempat tinggal mengikut kumpulan etnik.
  - II. Penerbitan akhbar mengikut bahasa ibunda masing-masing.
  - III. Penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di semua sekolah vernakular.
  - IV. Peluang yang sama rata untuk menceburi sistem ekonomi moden untuk mewujudkan persaingan antara orang Melayu dengan golongan imigran.
- A. I dan II.                                      C. I, II dan III.  
B. III dan IV.                                     D. II, III dan IV.
37. Berikut adalah kenyataan yang **benar** mengenai proses integrasi dalam konteks di Malaysia.
- A. Galakan perkahwinan campur silang budaya dan agama secara besar-besaran.
  - B. Menyerap masuk kumpulan minoriti ke dalam identiti dan budaya kumpulan majoriti.
  - C. Membiarkan setiap kumpulan etnik berkembang dalam lingkungan kebudayaannya sendiri.
  - D. Proses penyesuaian bersama pelbagai kebudayaan dan ciri-ciri sosial yang dapat diterima oleh semua kelompok etnik.









52. Berikut adalah usaha untuk mewujudkan integrasi di kalangan kanak-kanak di sekolah rendah.
- A. Memperkenalkan kelas bahasa Cina dan Tamil di sekolah aliran kebangsaan.
  - B. Menukarkan sekolah jenis kebangsaan kepada sekolah kebangsaan secara berperingkat-peringkat.
  - C. Mengurangkan masa pengajaran dan pembelajaran bahasa kebangsaan di sekolah jenis kebangsaan.
  - D. Tidak menggalakkan ibu bapa etnik Melayu menghantar anak-anak mereka ke sekolah jenis kebangsaan untuk mengelakkan konflik antara etnik.
53. Sekolah Wawasan diperkenalkan oleh pihak kerajaan dengan tujuan dan matlamat untuk
- A. menggalakkan interaksi yang lebih rapat antara etnik.
  - B. menghadkan penggunaan bahasa Cina dan Tamil di sekolah.
  - C. meningkatkan infrastruktur pendidikan di sekolah kebangsaan agar menjadi pilihan ibu bapa.
  - D. menggalakkan ibu bapa bukan Melayu menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan.
54. Pilih usaha-usaha pemeraksanaan pendidikan ke arah kesepaduan sosial di peringkat prauniversiti dan institusi pengajian tinggi.
- I. Kemasukan ke IPTA adalah berasaskan meritokrasi.
  - II. kemasukan pelajar ke matrikulasi melalui sistem kouta telah ditukar kepada meritokrasi.
  - III. sebanyak 10 peratus daripada tempat matrikulasi diperuntukkan kepada pelajar bukan bumiputera.
  - IV. Kouta sebanyak 60% dalam kursus-kursus kritikal di IPTA diperuntukkan kepada pelajar bumiputera.
- A. I dan II.
  - B. I dan III.
  - C. II dan IV.
  - D. III dan IV.



55. Berikut adalah salah satu komitmen kerajaan dalam memperkasakan pendidikan ke aras kesepaduan sosial.
- A. Memberi jaminan akan terus mempertahankan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).
  - B. Mewajibkan pelajar-pelajar Melayu mempelajari Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil.
  - C. Memperkenalkan penubuhan Sekolah Wawasan bagi menggantikan sekolah jenis kebangsaan.
  - D. Menambah masa pembelajaran bahasa Cina dan Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan dengan mengurangkan masa pembelajaran Bahasa Melayu.
56. Pilih contoh-contoh penyesuaian yang boleh dilakukan tanpa menjejaskan fungsi kedua-dua ruang makanan awam dan bukan awam.
- I. Bersikap terbuka dengan menghidangkan daging yang dimasak bagi majlis aqiqah kepada orang bukan Islam.
  - II. Mengagihkan daging korban yang disembelih pada Hari Raya Haji kepada jiran-jiran yang bukan beragama Islam.
  - III. Menyediakan juadah daripada ayam kepada tetamu India yang beragama Hindu dalam majlis perkahwinan etnik Melayu.
  - IV. Menghidangkan sajian kambing yang telah disembelih mengikut cara Islam kepada tetamu Melayu dalam majlis sambutan Tahun Baru Cina.
- A. I dan II.
  - B. III dan IV.
  - C. I, II dan III.
  - D. II, III dan IV.
57. Semua kenyataan berikut adalah benar langkah-langkah memupuk kesepaduan sosial melalui ruang kesenian di Malaysia **kecuali**
- A. menghasilkan karya muzik yang mengandungi muzik campuran pelbagai etnik.
  - B. menghimpunkan kemahiran pelbagai etnik dalam proses penghasilan sesuatu bentuk seni.
  - C. menggubah lagu-lagu yang memuatkan unsur pelbagai etnik untuk menggambarkan realiti hidup masyarakat Malaysia.
  - D. menonjolkan unsur budaya kumpulan etnik majoriti yang menunjukkan keunggulannya ke atas budaya kumpulan etnik minoriti.

58. Berikut adalah pelukis keturunan bukan Melayu yang menggunakan batik sebagai medium lukisan beliau.
- A. Jason Lo. C. Amber Chia.  
B. Sam Karuna. D. Patrick Teoh.
59. Kartunis berikut merupakan salah seorang daripada enam rakyat negeri Perak yang telah diberikan anugerah Ikon 1Malaysia sempena sambutan dan perasmian 1Malaysia di Perak kerana kejayaannya membawa kehidupan rakyat Malaysia yang sebenar menerusi layar perak dan pemaparan di dada akhbar.
- A. Yasmin Ahmad. C. Sam Karuna.  
B. Chuah Thean Teng. D. Mohamad Nor Khalid (Lat).
60. Pilih peranan-peranan yang dimainkan oleh media dalam proses membina kesepaduan antara etnik.
- I. Mempromosikan perpaduan etnik menerusi konsep 1Malaysia.  
II. Menyiarkan filem dan dokumentari yang menyemai nilai-nilai perpaduan.  
III. Menyediakan ruang kepada setiap kaum untuk meluahkan perasaan tidak puas mereka terhadap satu sama lain secara berterus-terang.  
IV. Menyampaikan isu yang emotif dan provokatif untuk melatih rakyat agar lebih terbuka dan matang dalam menghadapi konflik sosial yang timbul.
- A. I dan II. C. I, II dan III.  
B. III dan IV. D. II, III dan IV.

### KERTAS SOALAN TAMAT